

**HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
DALAM KALANGAN PELAJAR-PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KVKPM)**

SABARIAH BINTI SIDEK

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2013

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis dimensi kecerdasan emosi pelajar serta hubungannya dengan pencapaian akademik. Seramai 261 pelajar-pelajar yang mengambil pemeriksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Kolej Vokasional Zon Selatan iaitu di Kolej Vokasional Kluang, Kolej Vokasional Seremban dan Kolej Vokasional Melaka. Mereka dipilih secara rawak sistematik. Satu set soal selidik telah digunakan untuk kajian ini. Soal selidik merupakan instrumen utama yang akan digunakan untuk menentukan tahap kecerdasan emosi pelajar Kolej Vokasional Kluang. Soal selidik yang dibangunkan akan dikategorikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A, dan bahagian B. Bagi bahagian B, soalan-soalan soal selidik diadaptasikan daripada kajian-kajian yang lepas yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik pelajar. Dalam soalan soal selidik, dimasukkan lima domain penting dalam kecerdasan emosi (kompetensi diri dan kompetensi sosial), iaitu motivasi, kawalan sendiri, kesedaran sendiri, kemahiran sosial dan kepentingan orang ramai (empati). Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan kaedah "*Cronbach alfa*" yang menunjukkan nilai kebolehpercayaan 0.951. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan sisihan piawai kepada jenis-jenis dimensi kecerdasan emosi. Manakala statistik inferensi iaitu analisis Kolerasi Spearman digunakan untuk menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah iaitu hubungan kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik. Analisis menggunakan perisian SPSS menunjukkan terdapatnya hubungan dengan signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar iaitu pada nilai -0.007 . Secara keseluruhannya, pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi berpotensi untuk memperolehi pencapaian akademik yang lebih baik.



ABSTRACT

This dissertation is focusing on identified the types of student's emotional intelligent as well as its relationship to academic achievement. A total of 261 students who sat the examination of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) in the South Zone of Vocational College which are Kolej Vokasional Kluang, Kolej Vokasional Seremban and Kolej Vokasional Melaka. They were selected by systematic random. A set of questionnaires were used for this research. Questionnaires were the main instrument that will be used to determine the level of Kolej Vokasional Kluang's students Emotional Intelligent. Questionnaire will be categorized into two parts that are part A and part B. For part B, the survey questions were adapted from previous studies related to student's emotional intelligence and academic achievement. In the questionnaires, it's included five important domains of emotional intelligence (self-competence and social competence) which are the motivation, self-control, self-awareness, social skills and interests of the people (empathy). Questionnaires reliability were tested by using the "Cronbach alpha" reliability 0.951. Data was analyzed by using descriptive statistic by percentage, mean and standard deviation on the types of emotional intelligence dimension. While, Inferential Statistic that is Spearman Correlation Analysis is used to show the relationship between the variables which is the relationship between emotional intelligence and academic achievement. Analysis used SPSS's software shows that there was a significant relationship between student's emotional intelligence to academic achievement at the value of -0.007. In conclusion, students with high emotional intelligence have the potential to obtain better academic achievement.



KANDUNGAN

PENGESAHAN STATUS LAPORAN		
	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	2
	1.3 Pernyataan masalah	7
	1.4 Objektif kajian	8
	1.5 Persoalan kajian	8
	1.6 Kerangka konsep	9
	1.7 Skop kajian	11
	1.8 Batasan kajian	11



1.9	Definisi istilah	11
1.10	Rumusan	12
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	13
2.1	Pengenalan	13
2.2	Kecerdasan	13
2.3	Emosi	14
2.4	Kecerdasan emosi	14
2.4.1	Perkaitan kecerdasan emosi dengan jantina	19
2.4.2	Perkaitan kecerdasan emosi dengan umur	20
2.4.3	Perkaitan kecerdasan emosi dengan pengalaman kerja	20
2.4.4	Perkaitan kecerdasan emosi dengan kelayakan akademik	21
2.4.5	Kecerdasan emosi guru dan kaitan secara langsung dengan pencapaian akademik pelajar	21
2.5	Motivasi	21
2.6	Kesedaran sendiri	25
2.7	Kawalan sendiri	28
2.8	Kemahiran sosial	30
2.9	Kebolehan untuk memahami orang lain (<i>Empati</i>)	32
2.10	Sejarah penubuhan Teknik dan Vokasional di Malaysia	34
2.11	Potensi aliran vokasional	36
2.12	Rumusan	37



BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	38
3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka bentuk kajian	38
3.3	Kerangka operasi	39
3.4	Lokasi kajian	40
3.5	Populasi dan sampel kajian	40
3.6	Instrumen kajian	40
3.6.1	Pembangunan soal selidik	41
3.6.2	Pengesahan kandungan soal selidik	42
3.6.3	Skala Likert	42
3.7	Analisis data	43
3.7.1	Ujian korelasi	43
3.8	Kaedah pengumpulan data	44
3.9	Kajian rintis	45
3.10	Rumusan	46
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	47
4.1	Pengenalan	47
4.2	Demografi responden	48
4.2.1	Jantina	48
4.2.2	Bangsa	48
4.2.3	Subjek mata pelajaran di Kolej Vokasional (bagi pelajar SPM)	49
4.2.4	Pencapaian akademik semasa	49
4.3	Dapatan kajian	50
4.3.1	Persoalan kajian 1	50



4.3.2	Persoalan kajian 2	52
4.3.3	Persoalan kajian 3	54
4.3.4	Persoalan kajian 4	55
4.3.5	Normaliti	56
4.3.6	Persoalan kajian 5	57
4.4	Rumusan	58
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN & CADANGAN	59
5.1	Pengenalan	59
5.2	Perbincangan	59
5.2.1	Tahap kompetensi diri bagi pelajar di KVKPM	60
5.2.2	Tahap kompetensi sosial bagi pelajar di KVKPM	62
5.2.3	Perbezaan kompetensi diri di antara pelajar lelaki dan perempuan	63
5.2.4	Perbezaan kompeten sosial di antara pelajar lelaki dan perempuan	64
5.2.5	Hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik	64
5.3	Kesimpulan	65
5.4	Cadangan	67
5.4.1	Ibu bapa	67
5.4.2	Pengarah kolej vokasional dan pihak sekolah	68
5.4.3	Pendidik	69
5.4.4	Pelajar	70



5.5	Kajian lanjutan	71
5.6	Penutup	72
	RUJUKAN	74
	LAMPIRAN	79



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

2.1	Aspek penting dalam transformasi adalah pendidikan asas vokasional dan kolej vokasional	35
3.1	Populasi pelajar KVKPM mengikut zon	40
3.2	Penjelasan Skala Empat Mata	42
3.3	Pekali korelasi positif	43
3.4	Pekali korelasi negatif	44
3.5	Taburan skor min	44
3.6	Interpretasi skor min	45
3.7	Skor Alpha Cronbach	45
3.8	Skor Alpha Cronbach	46
4.1	Taburan responden mengikut jantina	48
4.2	Taburan responden mengikut bangsa	49
4.3	Taburan responden mengikut subjek mata pelajaran	49
4.4	Taburan responden mengikut pencapaian akademik semasa	49
4.5	Analisa min terhadap tahap kompetensi diri bagi pelajar yang sedang mengikuti program di KVKPM	50
4.6	Analisa min dan sisihan piawai terhadap tahap kompetensi diri bagi pelajar yang sedang mengikuti program di KVKPM	52
4.7	Analisa min terhadap tahap kompetensi sosial bagi pelajar yang sedang mengikuti program di KVKPM	52
4.8	Analisa min dan sisihan piawai terhadap tahap kompetensi sosial bagi pelajar yang sedang mengikuti program di KVKPM	54
4.9	Pangkat min dan signifikan	55



4.10	Pangkat min dan signifikan	55
4.11	Analisa ujian normaliti	56
4.12	Analisa kolerasi Spearman	57



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep kajian	9
1.2	Emotional Intelligence Competency	10
3.1	Kerangka operasi kajian	39



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

IQ	-	<i>Intelligence Quotient</i>
EQ	-	<i>Emotional Quotient</i>
KVKPM	-	Kolej Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia
CPA	-	<i>Cumulative Point Average</i>
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
TEVT	-	Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional
PAV	-	Pendidikan Asas Vokasional
MPV	-	Mata pelajaran Vokasional
Voctech	-	Teknik dan Vokasional
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
MHS	-	<i>Multi Health System</i>
RMK-10	-	Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik	79
B	Pengesahan Borang Soal Selidik	85
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Akademik	92
D	Jadual Krejcie, R.W. & Morgan D.W	97
E	Carta Gantt Projek Sarjana	99
F	Keputusan Analisis Data	102



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, media massa banyak menyiarkan tentang masalah cetusan emosi (*emotional outburst*) yang berlaku dalam kehidupan seharian seseorang (Berita Harian, 24 Ogos 2000; New Straits Times, 26 May 2003; & Utusan Malaysia, 4 Januari 2002). Cetusan emosi ini dilaporkan timbul dalam suasana pekerjaan dan juga kehidupan peribadi. Beberapa contoh peristiwa cetusan emosi yang berlaku dalam persekitaran pekerjaan yang telah dilaporkan oleh media massa, umpamanya, seorang guru besar didapati telah membaling komputer dari tingkat satu ke tingkat bawah bangunan sekolah akibat salah faham (Berita Harian, 24 Ogos 2000). Terdapat juga contoh yang melibatkan perhubungan guru-pelajar, di mana seorang guru telah didapati menampar pelajaranya yang dikatakan terlalu banyak bercakap dalam kelas. Perbuatan beliau telah menimbulkan rasa takut pelajar untuk datang ke sekolah (Berita Harian, 3 September 2003). Peristiwa sedemikian juga telah menimbulkan kemarahan ibu bapa terhadap pihak sekolah yang kelihatan tidak dapat membendung tingkah laku agresif guru-guru. Persoalannya ialah, kenapa cetusan emosi ini terjadi? Adakah ianya timbul daripada faktor persekitaran atau adakah ianya tercetus daripada faktor peribadi seperti kebolehan seseorang mengawal emosi?

Sesebuah Negara maju yang pesat membangun sudah pastinya menuntut dan memerlukan satu masyarakat yang mempunyai sikap yang mampu meneroka, memahami dan mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup serta ilmu teknologi yang berkembang mengikut arus perkembangan . Mohd Majzub & Mahmud (2009), menerangkan bahawa cabaran ini memerlukan sumber manusia yang berkualiti dan berwawasan tinggi serta daya saing secara sihat dalam pelbagai aspek. Sumber manusia yang berkualiti, berprestasi dan berwawasan tinggi adalah berkemampuan



dalam pelbagai aspek, kemampuan dalam penggunaan bahasa, mampu menggunakan alatan teknologi, mahir dalam berkomunikasi, kerjasama yang sihat, kreatif dan inovatif, mempunyai sikap kepimpinan, mematuhi etika dan moral dan mempunyai semangat bekerja yang tinggi.

Bagi bertujuan melahirkan insan yang berilmu, kompeten dan berketerampilan dalam alam pekerjaan, institusi pendidikan dan institusi kekeluargaan haruslah membentuk dan mendidik anak bangsa untuk lebih berfikiran positif dan mampu menghadapi pelbagai cabaran serta mempunyai perancangan yang baik.

Globalisasi memberi banyak cabaran kepada dunia pendidikan dan dunia pekerjaan hari ini. Setiap individu perlu melengkapkan diri dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelektual untuk berhadapan dengan dunia kerjaya. Cabaran pada hari ini semakin kuat memandangkan bidang pendidikan dan dunia pekerjaan juga tidak terkecuali menerima kesan daripada arus kemodenan ini. Individu yang ingin memasuki dunia pekerjaan atau yang telah pun berada dalam dunia tersebut perlu menghadapi cabaran ini dengan bijak. Strategi yang baik perlu disusun bagi memastikan konsistensi bidang ini dapat diteruskan., khususnya dari segi kemajuan, kecemerlangan dan kegemilangannya.

1.2 Latar belakang masalah

Pendidikan mempunyai peranan yang sangat menentukan bagi perkembangan dan perwujudan diri individu, terutama bagi pembangunan bangsa dan Negara. Tujuan pendidikan pada umumnya ialah menyediakan yang memungkinkan anak didik untuk mengembangkan bakat dan kemampuan mereka secara optimum, sehingga dapat mewujudkan diri mereka dan berfungsi sepenuhnya, sesuai dengan norma masyarakat. Perkembangan sumber kualiti sumber daya manusia pada dasarnya terletak dalam hal, pertemuan dan pengembangan bakat-bakat unggul dalam pelbagai bidang dan sifat pupuk dan perkembangan kreativiti seseorang yang dimiliki, telah di perkenalkan sejak dahulu lagi.

Setiap orang mempunyai bakat dan kemampuan yang berbeza- beza dan kerana itu memerlukan pendidikan yang berbeza- beza. Pendidikan bertanggungjawab untuk memberi panduan serta memberi peluang untuk mengembangkan dan meningkatkan bakat tersebut, termasuk dari bakat istimewa atau memiliki kemampuan dan kecerdasan luar biasa. Dahulu, masyarakat biasanya memberi gelaran “anak berbakat”

sebagai anak yang memiliki tingkat kecerdasan (IQ) yang tinggi. Namun sekarang makin disadari bahawa yang menentukan bakat bukan hanya kecerdasan melainkan juga kreativiti (Munandar, 1999). Kreativiti dan daya pemikiran sebelah kiri yang sangat tinggi disertai dengan rasa ingin tahu yang besar dan tentangan berfikir membuat anak berbakat gemar melakukan eksplorasi. Masyarakat tidak dapat membiarkan potensi-potensi ini terabaikan kerana merupakan aset dalam dunia pendidikan.

Kreativiti dapat diwujudkan di mana saja oleh sesiapa sahaja kerana potensi diri ada pada setiap individu, bergantung pada cara seseorang itu mengendalikannya. Kreatif merupakan fenomena yang melekat dengan kehidupan manusia dan merupakan hasil interaksi antara manusia dengan lingkungan atau kebudayaan dan sejarah di mana kreativiti dapat tumbuh dan meningkat tergantung kepada kondusif kebudayaan dan orangnya (Munandar, 1999). Levoy (1999), menjelaskan kreativiti merupakan kemampuan untuk mengkombinasikan idea-idea lama sehingga menjadi suatu idea baru. Orang yang kreatif mempunyai rasa individualiti yang kuat. Mereka membuat keputusan sendiri, oleh kerana itu orang kreatif mampu berdiri di tengah-tengah permasalahan pendapat, tidak mudah termakan khabar angin dan berfikiran secara rasional. Melihat pentingnya kreativiti terutama dalam proses berfikir maka hendaknya kreativiti dikembangkan dalam dunia pendidikan. Dalam kenyataannya sekolah sebagai sarang pendidikan cenderung hanya meningkatkan kemampuan akademik siswa dan mengabaikan kemampuan berfikir kreatif siswa.

Sekarang ini ramai yang berpendapat bahawa kecerdasan emosi adalah salah satu hal yang penting di samping IQ. Daniel Goleman (2004), menyatakan bahawa kecerdasan emosi itu lebih penting daripada IQ. Beliau menyatakan bahawa kecerdasan emosi itu adalah, kemampuan untuk mengendalikan emosi diri sendiri, kemampuan untuk membaca perasaan orang lain, dan membina hubungan baik dengan masyarakat yang lain. Selain itu, ia juga diertikan sebagai kemampuan untuk mengawal perasaan diri sendiri dan perasaan orang lain. Dengan kata lain kecerdasan emosi seseorang itu akan terbentuk apabila ada kerjasama yang baik antara fikiran dan perasaan. Kerajaan Malaysia juga berusaha meningkatkan jumlah pekerja mahir di negara ini yang ketika sebanyak 28 peratus kepada 40 peratus menjelang 2020. Katanya, ia akan dicapai dengan meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat mengenai potensi serta peluang kerjaya melalui pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT), penempatan latihan dan pekerjaan serta meningkatkan daya saing



dan keboleherjaan melalui latihan semula dan peningkatan daya saing, (Metro Harian, 3 Jun 2012).

Zaman remaja merupakan masa yang sangat penting dalam perkembangan seorang manusia. Istilah “pemberontak” merupakan istilah yang sering dilekatkan pada masa remaja kerana mereka sering melakukan suatu tindakan yang melanggar peraturan. Apabila wujudnya sifat pemberontak pada diri remaja, kecenderungan remaja untuk melakukan tindakan-tindakan yang mempunyai risiko yang tinggi, seperti pergaulan bebas, ponteng sekolah, pergaduhan dan ada sanggup melakukan rompakan dan membunuh.

Goleman (1995), menyatakan bahawa seseorang yang tidak mempunyai keupayaan mengawal emosi apabila berinteraksi dengan orang lain kurang bermotivasi untuk menjalankan kerja dengan baik. Mereka juga tidak boleh digolongkan sebagai individu yang berjaya dalam kerjaya masing-masing. Peristiwa-peristiwa cetusan emosi yang digambarkan, terutama yang berlaku di tempat kerja, membawa implikasi terhadap tahap kestabilan dan kematangan emosi yang dimiliki oleh individu-individu yang terlibat. Persoalannya, adakah tahap kestabilan emosi ini boleh diukur secara empirikal selain daripada melihat kesannya ke atas tingkah laku seseorang? Adakah ianya merupakan satu bentuk kecerdasan yang boleh diukur? Menurut Goleman (1999), kecerdasan emosi adalah satu *trait* yang diperlukan oleh seseorang untuk berjaya dalam kerjaya. Ianya juga berkait rapat dengan nilai kerja yang dipegang oleh seseorang dan boleh memberikan kesan ke atas prestasi kerja individu tersebut. Goleman (1995), telah mengemukakan satu teori untuk menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi emosi seseorang. Teori tersebut dikenali sebagai Teori Kecerdasan Emosi. Teori ini menerangkan faktor kegagalan dan kejayaan seseorang dalam kehidupan peribadi dan kerjaya masing-masing. Kajian Skovholt dan D’Rozario (2000) berhubung dengan guru cemerlang dan guru lemah mendapati guru cemerlang lebih disukai oleh pelajar. Guru cemerlang didapati mempunyai atribusi atau domain kecerdasan emosi seperti empati dan kemahiran sosial. Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru cemerlang mempunyai tahap kepintaran interpersonal dan intrapersonal yang tinggi. Kedua-dua faktor ini merupakan domain personal dalam teori “kecerdasan pelbagai” (*multiple intelligence*) yang dicadangkan oleh Gardner (1983).

Dapatan kajian Skovholt dan D’Rozario (2000), juga menunjukkan salah satu nilai yang membentuk kestabilan emosi ialah kasih sayang. Nilai penyayang adalah



merupakan salah satu faktor yang disarankan dalam nilai utama etika kerja Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Nilai penyayang ini dimaksudkan sebagai perasaan dan perlakuan yang menunjukkan sikap memahami menghargai dan mengambil berat. Contoh-contoh sikap tersebut adalah seperti bersifat pemaaf dan penyayang, tidak berdendam, tidak sombong atau meninggi diri. Seorang guru yang penyayang disarankan untuk menghormati orang lain tanpa prasangka buruk.

Mereka juga haruslah bersifat bertimbang rasa dan mahu mengambil berat dalam melaksanakan tugas seharian mereka. Selain itu, guru-guru juga disarankan supaya menjadikan organisasi sebagai sebuah keluarga yang penuh kemesraan dan bersifat simpati dan empati dalam menjalankan tugas. Salah satu aspek kecerdasan emosi yang dicadangkan oleh Goleman (1995) ialah kemahiran bersosial dan berempati. Ini selaras dengan nilai kerja penyayang yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru, seorang guru yang tidak mempunyai kemahiran interpersonal serta kurang menunjukkan sifat berempati mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah.

Model Baru Ekonomi akan dipacu oleh modal insan yang berkualiti, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Bagi menjayakan hasrat Negara berpendapat tinggi melalui perkhidmatan yang kreatif dan berinovatif, penyediaan peluang-peluang latihan kemahiran kepada rakyat semestinya seiring dengan keperluan tersebut. Bermula dengan Pakej Rangsang Ekonomi yang diperkenalkan ketika Negara berhadapan dengan kegawatan ekonomi, kerajaan terus melaksanakan latihan dan kemahiran vokasional kepada pekerja tempatan. Penyediaan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir, wajar diteruskan agar Negara tidak terus bergantung dengan tenaga kerja asing. Rakyat tempatan wajar membangunkan Negara sendiri agar nisbah pengangguran Negara tidak meningkat (RMK 10, Jabatan Penerangan Malaysia).

Kenyataan ini menggambarkan bidang vokasional antara bidang yang membantu Negara ke arah mencapai kemajuan dari segi sosial dan ekonomi. Vokasional juga menjadi satu titik tolak kepada perubahan dalam masyarakat di mana, semua individu layak untuk mendapatkan pengetahuan seterusnya dapat menikmati kehidupan yang lebih baik apabila berada dalam dunia pekerjaan kelak. Melalui bidang vokasional, setiap individu akan mendapat pengiktirafan yang sama walaupun tidak dapat menguasai bidang akademik, ini kerana kecemerlangan individu bukan terletak



pada sebanyak mana teori yang dikuasai tetapi sejauh mana anda memiliki kualiti kerja yang baik. Tegasnya di sini pembangunan dan kemajuan dalam bidang vokasional memerlukan sokongan semua pihak ini kerana kelangsungan dan kejayaan bidang vokasional menjadi tunjang kepada kemajuan dan kejayaan Negara.

Imej dan kualiti pendidikan vokasional di Malaysia adalah kurang memberangsangkan. Masih ada pihak yang berpendapat pendidikan vokasional hanya sesuai untuk golongan pelajar yang tidak mempunyai tahap akademik yang cemerlang. Pendidikan vokasional sering dianggap sebagai pendidikan kelas kedua yang hanya melayakkan pelajar ke pekerjaan bertaraf rendah sahaja. Pelajar yang memilih haluan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat vokasional terdiri daripada pelajar yang tidak layak untuk memasuki ke sekolah aliran akademik (Lie & Azman, 2010).

Persepsi masyarakat adalah antara cabaran kepada dunia vokasional. Memandang rendah dan beranggapan seperti sekolah vokasional hanyalah untuk mereka yang gagal dalam akademik. Ramai juga ibu bapa, kurang menggalakkan anak-anak mereka yang berminat dalam bidang kemahiran untuk meneruskan pengajian dalam bidang teknik dan vokasional (Emat, 1993). Guru mata pelajaran vokasional mendapati ramai pelajar gagal atau memiliki markah yang rendah setiap kali ujian dilakukan. Dari aspek disiplin pula, pelajar vokasional biasanya sering dilabelkan sebagai sukar dikawal, nakal dan menimbulkan masalah di sekolah. Bukan mereka malas tetapi kerana mereka bosan dengan subjek yang diajar (Myd, 2008).

Masalah ini bertambah sukar apabila pelajar tidak dapat mengikuti jurusan yang mereka minat dan terdapat juga pelajar yang salah dalam memilih kursus. Malah, kebanyakan pelajar aliran vokasional mempunyai pandangan yang rendah terhadap diri dan keupayaan mereka terhadap setiap mata pelajaran yang diambil. Keadaan ini berlaku mempunyai kaitan dengan prestasi akademik sebelum pelajar ini masuk ke bidang vokasional. Kelayakan untuk masuk ke sekolah vokasional adalah rendah dan boleh dikategorikan sebagai pelajar yang tidak cemerlang atau berprestasi sederhana (Razali, 2009). Pelajar yang lemah tidak bermakna mereka gagal tetapi mereka lebih cenderung kepada bidang kemahiran. Sebagai seorang guru mata pelajaran vokasional, bakat pelajar ini perlu digilap supaya ia menjadi lebih cemerlang (Goleman, 1996).



1.3 **Penyataan masalah**

Faktor kecerdasan emosi dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi pembelajaran seseorang pelajar. Justeru itu ia akan membawa implikasi terhadap pencapaian akademik mereka. Umum nya pencapaian akademik yang cemerlang sering dikaitkan dengan kecerdasan pelajar yang tinggi sedangkan aspek emosi tidak diberikan penekanan sewajarnya. Walau bagaimanapun, ahli psikologi telah menyedari akan kepentingan peranan kecerdasan emosi pelajar dalam menjayakan pencapaian akademik mereka.

Kajian ini juga akan mengenal pasti dimensi kecerdasan emosi yang mana paling mempengaruhi dan menyumbang kepada hubungan antara kecerdasan emosi pelajar terhadap pencapaian akademik dan tingkah laku mereka. Menurut Yahya & Hashim (2007), isu pencapaian akademik yang rendah dan prestasi pencapaian akademik, walaupun telah diberikan bantuan dan insentif yang banyak oleh kerajaan masih banyak diperkatakan. Adakah kecerdasan emosi mempunyai hubung kait dengan pencapaian akademik dan. Semua kita maklum bahawa manusia dikurniakan keupayaan kognitif yang sama tetapi penggunaannya tidak sama.

Kebanyakan industri di Malaysia, memerlukan pekerja mahir dan ia sahaja bukan dari segi mahir bahkan pandai menyesuaikan diri dalam bidang yang diceburi. Begitu tidak mempunyai kemahiran bersosial, kemahiran dalam motivasi dan empati terhadap masyarakat. Menurut Shaffer (1996), kebanyakan individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi dan psikologi yang tinggi, mereka tidak berapa cemerlang dalam mata pelajaran; mereka mempunyai nilai- nilai untuk melakukan sesuatu yang positif dengan lebih kuat. Pengalaman dan persekitaran yang memainkan peranan dalam menggalakkan mereka ke arah melakukan kebaikan. Dalam aspek ini, penyelidik ingin melihat dari sudut kecerdasan emosi, apakah ia menjadi salah satu faktor yang turut menyumbang kepada tahap pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar.



1.4 Objektif kajian

- i. Mengenal pasti tahap kompetensi diri bagi pelajar di Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Mengenal pasti tahap kompetensi sosial bagi pelajar di Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia.
- iii. Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan yang signifikan terhadap tahap kompetensi diri antara pelajar lelaki dan perempuan di Kolej Vokasional.
- iv. Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan yang signifikan terhadap tahap kompetensi sosial antara pelajar lelaki dan perempuan di Kolej Vokasional.
- v. Mengenal pasti hubungan kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik bagi pelajar-pelajar di Kolej Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia.


1.5 Persoalan kajian

- i. Apakah tahap kompetensi diri bagi pelajar yang sedang mengikuti program di Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Apakah tahap kompetensi sosial bagi pelajar yang sedang mengikuti program di Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia.
- iii. Adakah wujud perbezaan yang signifikan terhadap tahap kompetensi diri antara pelajar lelaki dan perempuan di Kolej Vokasional.
- iv. Adakah wujud perbezaan yang signifikan terhadap tahap kompetensi sosial antara pelajar lelaki dan perempuan di Kolej Vokasional.
- v. Adakah terdapat hubungan kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik bagi pelajar-pelajar di Kolej Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia.




1.6 Kerangka konsep

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa pembolehubah telah dikenal pasti berdasarkan kepada persoalan kajian yang ingin dicapai.



Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian
(adaptasi dari Goleman, 1998)



Rajah 1.2: Emotional Intelligence Competency (Goleman, 1995)

1.7 Skop kajian

Kajian ini memfokuskan kepada tahap kecerdasan emosi di kalangan pelajar-pelajar di Kolej Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia (KVKPM). Mengikut domain-domain dalam kecerdasan emosi iaitu, motivasi (*motivation*), kesedaran sendiri (*self-awareness*), kawalan sendiri (*self-regulation*), kemahiran sosial (*social skill*), dan mementingkan kepentingan orang ramai (*emphaty*).

1.8 Batasan kajian

Batasan kajian tertumpu kepada beberapa buah Kolej Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia (KVKPM), pemilihan dibuat untuk sebuah kolej vokasional bagi pantai timur, pantai barat, utara dan selatan. Ini kerana kekangan dari segi masa, kewangan dan jarak.

1.9 Definisi istilah

Definisi istilah antara aspek penting dalam proses memahami kajian ini. Di sini menerangkan kaitan antara istilah dengan kajian.

i. Kecerdasan emosi (EI)

Kecerdasan emosi adalah melibatkan kecerdasan sosial yang mana ia merujuk kepada kebolehan individu meneliti emosi dan perasaan dirinya atau orang lain. Di samping itu juga, ia melibatkan kekuatan dan kelemahan individu dalam mengatasi masalah.

ii. Pencapaian Akademik

Dalam kajian ini, pencapaian akademik merujuk kepada keputusan peperiksaan pelajar-pelajar Kolej Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia (KVKPM) dan juga dari segi pencapaian akademik di dalam kelas.

iii. Pelajar-pelajar Kolej Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia (KVKPM)

Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pembelajaran di Kolej Vokasional.

1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya Bab 1 merupakan ruangan untuk mengemukakan latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi konsep kajian. Pada bab seterusnya, penyelidik akan membincangkan tentang tahap kompetensi pelajar dan beberapa kajian lepas berkaitan dengan persoalan kajian.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan dan membincangkan mengenai kajian dan penulisan yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Dalam kajian ini, penyelidik akan membahagikan kepada beberapa subtopik seperti di bawah. Maklumat dan fakta yang diperoleh membantu pengkaji bagi tujuan melaksanakan dan membuktikan kajian yang dijalankan.

- i. Motivasi (*Motivation- Personal Competency*)
- ii. Kesedaran sendiri (*Self Awareness – Personal Competency*)
- iii. Kawalan sendiri (*Self Regulation – Personal Competency*)
- iv. Kemahiran sosial (*Social Skill- Social Competency*)
- v. Kebolehan untuk memahami orang lain (*Emphaty – Social Competency*)

2.2 Kecerdasan

Mempunyai kuasa penaakulan yang tinggi dan kebolehan untuk memperolehi dan memegang pengetahuan (Hasan, 1994). Manakala menurut (Hashim et al., 2003) pula, kecerdasan adalah satu elemen penting yang sangat mempengaruhi pelajar, pendidik dan institusi pendidikan. Seharusnya, setiap pelajar atau pendidik perlu mengetahui tahap kecerdasan bagi mengatur strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kualiti dan kecemerlangan pendidikan. Menurut Goodwin (1990), pengukuran darjah kebebasan boleh berubah melalui faktor pengasuhan seperti pendidikan, pengajaran dan pembelajaran, rakan, ibu bapa, budaya, pengalaman dan

alam sekitar. Ini menunjukkan tahap kecerdasan boleh berubah dan ditingkatkan mengikut persekitaran dan keadaan.

2.3 Emosi

Mempunyai perasaan yang mudah ditunjukkan dan mudah menghubungkan sesuatu dengan perasaan (Hasan, 1994). Manakala emosi juga ialah perasaan jiwa yang kuat dan sedih, marah dan lain-lain. Kenyataan ini selari dengan Goleman (1999), iaitu perasaan yang wujud hasil dari pengalaman yang disedari atau tersembunyi yang berkaitan dengan persekitaran sekeliling. Mohd Nain (2004), turut mendefinisikan emosi sebagai satu bentuk maklum balas dari hati bukannya otak.

2.4 Kecerdasan emosi

Kecerdasan Emosi (EQ) mengikut kajian meninggalkan kesan yang mendalam dalam keseluruhan aspek dalam kehidupan termasuk aspek kesihatan dan sosial. Dalam bidang pekerjaan mengikut Goleman (1995):

“.....people of high IQ fl ounder and those of moderate IQ do surprisingly well..... Lack of emotional intelligence can sabotage the intellect and ruin careers.....”

Ini membawa maksud kejayaan diri dalam pekerjaan perlulah juga diimbangi dengan aspek emosi. Mengikut Goleman (1995), pengarang buku “The Emotional Intelligence”, penilaian seseorang individu bukan sahaja diasaskan kepada kecerdasan yang ada pada keintelektualannya (IQ) sahaja tetapi yang lebih penting adalah kecerdasan emosi (EQ) yang ada pada dirinya. Mengikut Daniel, kecerdasan emosi adalah situasi di mana aspek rohaniah perlu diberi keutamaan dalam kehidupan kita terutamanya dalam situasi bekerja. Kecerdasan emosi melibatkan proses:

- i) Kesedaran sendiri
- ii) Disiplin sendiri
- iii) Memahami perasaan dan isi hati orang hati
- iv) Mempunyai kemahiran intra dan interpersonal yang baik untuk berkomunikasi
- v) Dapat mengawal perasaan

Konsep dalam kecerdasan emosi ini lebih menekankan aspek murni seperti toleransi, kerjasama, jujur, beradab, simpati dan banyak lagi. Sahsia diri yang unggul merupakan teras kepada pembentukan kecerdasan emosi dalam diri individu. Selain itu, melihat kepada perspektif yang diketengahkan Salovey & Mayer (1990), beliau antara tokoh yang banyak mengetengahkan kepentingan kecerdasan emosi dari segi penerapan bertujuan untuk keharmonian bersama selain melahirkan insan yang peka dan sensitif terhadap keperluan orang lain. Beliau telah memperluaskan unsur kecerdasan emosi ini supaya aplikasinya lebih luas dan sistematik.

Aspek ini dibincangkan dahulu kerana fokusnya adalah bagaimana seseorang itu mengawal perasan tidak kira dalam situasi yang bagaimana. Individu yang mampu mengawal emosinya dengan baik adalah individu yang dilihat sering kali memperoleh kejayaan yang besar. Kejayaan ini boleh dilihat dari segi kerjaya, peribadi, keluarga dan sebagainya. Tidak semua individu mampu untuk mengawal perasaan apatah lagi semasa gembira, marah, sedih dan sebagainya. Pengawalan perasaan yang baik menjadi tunjang utama kepada pembentukan kecerdasan emosi. Kebolehan mengetahui emosi sendiri secara tidak langsung dapat mengawal tindak tanduk yang lebih positif.

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah SWT yang sempurna dan yang membezakannya dengan makhluk-makhluk lain di muka bumi ini adalah pengurniaan akal dan fikiran yang baik. Melalui akal fikiran inilah, berkembangnya emosi manusia seiring dengan peredaran masa. Emosi dan perasaan seperti tangisan, kekecewaan, kesedihan, kegembiraan dan ketakutan adalah satu bentuk perilaku yang menzahirkan, dalam mencorakkan kehidupan seseorang individu itu selari dengan norma-norma masyarakat.

Pemikiran rasional juga dapat dijana dengan baik sekiranya individu tersebut sedar tentang emosi sendiri dan sentiasa mengawal perasaan supaya tidak timbul sebarang masalah yang negatif. Sebagai contoh dalam konteks kajian memperlihatkan bagaimana seorang guru perlu mengawal perasaan dari satu ketika ke sesuatu ketika apabila berhadapan dengan pelajar-pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang, sikap pelajar yang berbeza, perlu berhadapan dengan karenah masyarakat dan pentadbiran dan sebagainya. Selain itu, kecerdasan emosi juga turut dilihat dari aspek kebolehan dalam pengurusan emosi. Kebolehan ini sangat penting kerana setiap individu tidak terlepas daripada diduga dengan pelbagai masalah. Kebolehan



menguruskan emosi menuntut seseorang supaya tahu bagaimana untuk mendapatkan ketenangan jiwa, menguruskan stress dan menghadapi sesuatu cabaran dan dugaan dalam kehidupan.

Individu yang mempunyai kemahiran motivasi yang baik adalah individu yang produktif dan efektif. Ini boleh dilihat pada setiap tugas yang dilakukan. Selalunya individu yang bermotivasi dapat menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan dapat menyelesaikan sesuatu tugas dengan baik. Selain itu motivasi yang bersifat konsisten akan melahirkan individu yang bukan sahaja menepati masa malah bertanggungjawab terhadap amanah yang telah diberikan. Sebagai contoh seorang guru yang mempunyai motivasi yang tinggi untuk mendidik para pelajarinya akan berusaha gigih bagi memastikan kejayaan para pelajarinya.

Kecerdasan emosi juga turut melihat dari segi perspektif kebolehan mengenal emosi orang lain. Kesedaran sendiri emosi orang lain adalah asas “kemahiran manusia”. Seseorang yang ada perasaan empati kerap kali mudah merasai perasaan orang lain. Setiap insan yang bergelar manusia harus mempunyai perasaan simpati dan belas kasihan selain memahami keadaan orang lain. Tanpa perasaan empati tidak wujud tolak ansur antara satu sama lain dan seterusnya menyukarkan lagi hubungan sesama insan.

Kecerdasan emosi dari segi kebolehan menjalin hubungan persaudaraan turut menjadi kayu pengukur kepada tahap kecerdasan seorang individu. Ini kerana seni persaudaraan antara manusia amat penting. Kecerdasan emosi juga dihubungkan dengan keberkesanan kepimpinan. Kecerdasan ini merujuk kepada kemampuan pemimpin untuk menghubungkan emosi dengan penyebab, menggunakan emosi untuk membina penyebab dan penyebab kepada kesejahteraan emosi (Salovey & Mayer, 1990). Dengan lain perkataan, kecerdasan emosi merupakan ‘bekas’ untuk meneruskan kemampuan kognitif manusia. Untuk melahirkan individu yang mempunyai gaya kepimpinan yang tinggi, seseorang itu perlu sentiasa peka dengan keadaan sekeliling khususnya dalam membina hubungan yang positif dengan individu lain. Interaksi sosial yang baik perlu konsisten dan dari segi ruang lingkupnya diperluaskan dari masa ke semasa dalam usaha mempertingkatkan gaya kepimpinan yang lebih afektif. George & Bettenhausen (1990), meneliti beberapa faedah yang diperolehi daripada emosi. Pemimpin yang mempunyai emosi positif dapat mempengaruhi keberkesanan dalam kepimpinan. Emosi yang positif akan mendorong



kepada pemrosesan informasi yang sistematis dan berhati-hati dan akan memberi kelebihan sekiranya seseorang pemimpin berhadapan dengan masalah yang kompleks dan berisiko tinggi (Sinclair & Mark, 1992).

Perkataan emosi berasal dari perkataan Latin iaitu *motere* yang bermaksud bergerak dan apabila ditambah huruf “e” untuk menghubungkan “*move away*” yang mana setiap emosi ini berkeupayaan boleh nampak dan berlaku (Goleman, 1995). Ia melibatkan perasaan kegembiraan, kekusaran, kasih sayang, benci, takut, cemburu, keseronokan ataupun berlakunya gangguan pada perasaan dan sebagainya. Emosi yang dialami akan memberi kesan dan mempengaruhi keseluruhan pengalaman hidup seseorang sama ada dari segi psikologi ataupun dari segi sosial. Oleh itu emosi merupakan proses yang mengerakkan tingkah laku yang berpunca dari perasaan (Freemantle, 1998).

Kecerdasan pula merupakan keupayaan mental manusia dalam mencapai apa yang diinginkan. Pengertian mengenai kecerdasan boleh dirumuskan kepada tiga (Chaplin, 1981), yang mana ia mempunyai persamaan dari segi makna iaitu:

- i. Keupayaan menghadapi dan penyesuaian diri terhadap situasi baru secara cepat dan efektif
- ii. Keupayaan penggunaan konsep abstrak secara efektif yang meliputi tiga unsur seperti memahami, memberi pendapat dan mengkritik.
- iii. Keupayaan pemahaman pertalian-pertalian dan proses pembelajaran dengan cepat dan pantas.

Dalam dimensi kecerdasan, emosi sangat penting dalam memandu kehidupan rasionalis manusia kerana kedua-dua bentuk fikiran iaitu fikiran rasional (otak kepala) dan fikiran emosional (otak hati) seharusnya wujud keselarasan yang saling berpandu antara satu sama lain. Oleh itu kecerdasan emosi bukan sahaja dapat memberi kebebasan kepada perasaan malah ia lebih merupakan kemampuan atau keupayaan dalam mengendalikan pola perasaan sehingga dapat dipaparkan secara tepat dan efektif (Goleman, 1995).

Mengikut Salovey & Mayer (1990), kecerdasan emosi ialah kebolehan untuk mengawal diri sendiri dan orang lain dari segi perasaan dan emosi, dapat membezakan antara kedua-duanya dan boleh menggunakan maklumat itu untuk memandu pemikiran dan tindakannya. Dalam erti kata lain, kecerdasan emosi merujuk kepada

kemampuan memahami emosi, menyelaminya, dan membina hubungan bagi meningkatkan pengetahuan dalam memahami emosi diri dan orang lain (Salovey & Mayer, 1990).

Definisi kecerdasan emosi oleh Murray (1998), pula menunjukkan bahawa kecerdasan emosi merupakan satu kebolehan untuk mengekang perasaan atau emosi negatif seperti marah dan ragu-ragu serta memfokuskan kepada perasaan positif akan sentiasa melingkari kehidupan individu yang mempraktikkan kecerdasan emosi. Dalam situasi yang lain, perasaan ragu-ragu yang sentiasa membelenggu diri, sering kali akan menjadi penghalang kepada kehidupan yang lebih tenang.

Manakala Goleman (1995), telah membincangkan kecerdasan emosi dalam lima komponen utama iaitu tiga komponen yang pertama berbentuk kompetensi emosi dan dua komponen berbentuk kompetensi sosial. Lima komponen tersebut adalah mengenali emosi diri sendiri, mengatur emosi diri sendiri, memotivasikan diri sendiri, mengenal emosi orang lain dan membina hubungan yang positif, ini dibincangkan dalam kemahiran sosial. Pengertian kecerdasan emosi menurut Goleman (1998), ialah,

i. Kesedaran diri

Komponen pertama iaitu mengenali emosi diri sendiri bertujuan agar seseorang itu dapat merasai apakah keadaan emosinya pada waktu itu berupaya untuk membuat keputusan yang rasional, mempunyai penilaian yang realistik serta mempunyai keyakinan diri sendiri yang kukuh. Tiga sub kompetensi yang dikenal pasti ialah kesedaran emosi, ketepatan menilai diri sendiri dan keyakinan diri.

ii. Kawalan diri

Komponen ke dua ialah kebolehan mengatur emosi serta keupayaan menangani kehidupan dan psikologi diri sendiri yang lebih terkawal. Terdapat lima sub kompetensi iaitu kawalan sendiri, amanah, berhemah, kebolehsuaian dan inovasi. Mereka yang cerdas emosinya dapat mengendalikan emosi diri sendiri dan dapat mengawal sesuatu keinginan yang mendesak. Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa peraturan emosi diri sendiri yang baik dapat membantu seseorang mengawal perasaan kebimbangan, kemarahan dan dorongan dari melakukan tingkah laku yang tersasar. Di samping itu, ia juga



berkeupayaan mengembalikan emosi ke arah yang lebih positif setelah berhadapan dengan sesuatu ujian dan halangan.

iii. Motivasi

Komponen ke tiga ialah berkaitan dengan keupayaan untuk mengerakkan dan mendorong diri sendiri untuk bertindak atau disebut sebagai motivasi. Terdapat empat subkompetensi yang berkaitan iaitu dorongan, pencapaian, komitmen, inisiatif dan optimis. Individu yang mempunyai emosi yang cerdas berupaya untuk bertindak, mengambil inisiatif dan berusaha ke arah pencapaian matlamat hidup. Kebolehan ini membantu seseorang itu untuk meningkatkan diri ke arah yang lebih maju dan berupaya bangkit dari kegagalan.

iv. Kemahiran sosial

Komponen ke empat ialah kemahiran sosial iaitu melibatkan pengendalian emosi bagi mewujudkan dan membina hubungan sosial yang baik. Seseorang yang cerdas dikatakan berupaya mengurus dan memahami situasi serta emosi orang lain dengan tepat. Kebolehan ini akan dapat membantu seseorang berinteraksi dengan baik.

v. Kebolehan untuk memahami orang lain (Empati)

Kebolehan untuk memahami orang lain atau empati, seseorang individu perlu memahami setiap individu yang lain dengan mengambil peduli perasaan orang sekeliling.

2.4.1 Perkaitan kecerdasan emosi dengan jantina

Perempuan dan lelaki mempunyai tahap kecerdasan emosi yang berbeza, menurut kajian Multi Health System (MHS) yang dilakukan Kanada United States menyatakan wanita mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi dari segi memahami perasaan orang lain berbanding lelaki, manakala lelaki dilihat mempunyai tahap mengendalikan tekanan tinggi berbanding wanita, selain itu, menurut kajian ini lagi wanita lebih peka

terhadap perasaan sendiri dan orang lain, lebih bertanggungjawab berbanding lelaki, tetapi lelaki pula dikatakan mempunyai keyakinan diri dan kemahiran menyelesaikan masalah yang sangat tinggi. Kajian oleh Brody & Hall (1993), mengenai perbezaan dalam mempelajari dan memahami cara menangani emosi masing-masing. Proses sosialisasi yang berbeza ada kesannya iaitu, golongan perempuan mempunyai tahap pengurusan dan pengendalian emosi yang lebih tinggi berbanding lelaki. Kajian ini disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh Collins & Harpes (1974), Gilligan (1989) dan Block (1995). Walau bagaimana pun, kajian tempatan oleh Yahaya & Eng (2001) dan Tan (1996) tidak menunjukkan perbezaan jantina, justeru tidak menyokong kajian-kajian tersebut. Faktor yang berkemungkinan mempengaruhi hasil kajian tempatan ini ialah faktor budaya dan bukannya faktor jantina.

Seterusnya menurut kajian MHS juga menyatakan bahawa semakin berumur seseorang itu semakin tinggi kecerdasan emosi yang dimiliki. Hasil kajian Stein (2000), terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kecerdasan emosi dengan umur iaitu jumlah skor meningkat apabila menjangkau usia akhir 40-an dan akhir 50-an.

2.4.2 Perkaitan kecerdasan emosi dengan umur

Seterusnya menurut kajian MHS juga menyatakan bahawa semakin berumur seseorang itu semakin tinggi kecerdasan emosi yang dimiliki. Hasil kajian Stein (2000), terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kecerdasan emosi dengan umur iaitu jumlah skor meningkat apabila menjangkau usia akhir 40 an dan akhir 50 an.

2.4.3 Perkaitan kecerdasan emosi dengan pengalaman kerja

Menurut kajian Syafri (2010), perbezaan profil kecerdasan emosi di kalangan guru-guru mengikut pengalaman, juga menunjukkan terdapat perbezaan profil EQ di kalangan guru-guru yang berlainan peringkat pengalaman. Namun perbezaan yang diperolehi sangat kecil. Graf profil menunjukkan, guru-guru yang mempunyai pengalaman yang lebih muda mempunyai graf profil yang berbeza dengan graf profil guru-guru yang lebih tua di mana graf profil lebih rendah berbanding guru-guru yang



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

lebih tua. Graf profil yang diperolehi adalah skor tertinggi pada domain kerohanian dan kematangan, dan skor terendah pada domain kemahiran sosial.

2.4.4 Perkaitan kecerdasan emosi dengan kelayakan akademik

Manakala Tan & Kaliwon (2006), dalam kajiannya ada menyatakan kelayakan mempengaruhi tahap kecerdasan emosi di mana semakin tinggi kelayakan akademiknya semakin tinggi tahap kecerdasan emosinya. Manakala dalam kajian Markom (2004), menyatakan kelayakan akademik tidak mempengaruhi tahap kecerdasan emosi seseorang individu, tetapi kecerdasan emosi diukur berdasarkan sikap bijak membuat pendedahan sendiri, boleh dikritik, sentiasa memberikan senyuman dan sebagainya. Ini kerana kecerdasan emosi tidak mengenal tahap kelayakan akademik semata-mata.

2.4.5 Kecerdasan emosi guru dan kaitan secara langsung dengan pencapaian akademik pelajar

Kajian tentang kecerdasan emosi guru yang dikaitkan secara terus dengan pencapaian akademik para pelajar masih kurang dibincangkan. Atas inisiatif bersama, penyelidik cuba merungkai sejauh mana kecerdasan emosi seseorang guru itu, turut mempengaruhi pencapaian akademik.

2.5 Motivasi

Motivasi ialah berkaitan dengan kemampuan untuk mengerakkan dan mendorong diri sendiri untuk bertindak atau disebut sebagai motivasi. Terdapat empat subkompetensi yang berkaitan iaitu dorongan, pencapaian, komitmen, inisiatif dan optimis. Individu yang mempunyai emosi yang cerdas berupaya untuk bertindak, mengambil inisiatif dan berusaha ke arah pencapaian matlamat hidup. Kebolehan ini membantu seseorang itu untuk meningkatkan diri ke arah yang lebih maju dan berupaya bangkit dari kegagalan.

Winardi (2002), menegaskan motivasi seseorang tergantung kepada keinginan individu untuk mendapatkan sesuatu. Disebabkan adanya keinginan untuk mencapai sesuatu perkara, satu dorongan yang wujud dalam diri sendiri dan seterusnya membentuk aktiviti yang sebenarnya.

Chung & Megginson (2001), menjelaskan *motivation is defined as goal-directed behavior. It concerns the level of effort one exerts in pursuing a goal... it is closely related to employee satisfaction and job performance* (motivasi dirumuskan sebagai perilaku yang ditujukan pada sasaran motivasi berkaitan dengan tingkat usaha yang dilakukan oleh seseorang dalam mengejar suatu tujuan motivasi berkaitan erat dengan kepuasan pekerjaan dan prestasi pekerjaan).

Teori motivasi yang menggunakan pendekatan teori matlamat, matlamat pencapaian seseorang akan mempengaruhi pencapaian melalui variasi dalam kualiti proses regulasi sendiri (Covington, 2000). Proses regulasi sendiri ini sangat berkaitan dengan kebolehan/ kemahiran meta kognisi seseorang. Ini menunjukkan wujudnya hubungan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian melalui meta kognisi. Kajian lepas juga menunjukkan wujudnya hubungan secara langsung dan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian Schraw *et al.*, (1995) dan kemungkinan wujudnya hubungan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian melalui pembolehubah meta kognisi (Covington 2000). Selain itu, beberapa konstruk motivasi seperti etika sendiri dan orientasi matlamat pembelajaran juga dikatakan menyumbang kepada hubungan antara meta kognisi dengan pencapaian akademik (Pintrich & DeGroot, 1990). Justeru, kajian ini cuba menggabungkan pembolehubah meta kognisi dan motivasi dalam usaha untuk mengenal pasti cara-cara yang dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik di kalangan pelajar universiti.

Mengikut Covey (1989), motivasi mempunyai pelbagai definisi, Tujuan atau motif adalah sama fungsinya dengan matlamat, wawasan, aspirasi, hasrat atau cita-cita. Jadi, wawasan, cita-cita, impian, keinginan atau keperluan seseorang itu malah bagi sesebuah negara merupakan pendorong utama yang menggerakkan usaha bersungguh-sungguh untuk mencapai apa yang dikehendaki. Lebih penting sesuatu yang ingin dicapai, dimiliki, diselesaikan atau dituju, lebih serius dan lebih kuatlah usaha seseorang, sesebuah keluarga, organisasi, masyarakat atau negara untuk mencapai apa juga matlamat yang telah ditetapkan. Jadi, dengan matlamat atau hasrat yang lebih penting atau besar, lebih kuatlah pula dorongan atau motivasi seseorang itu untuk



berusaha bagi mencapai matlamatnya. Oleh itu, bolehlah kita buat kesimpulan di sini bahawa: "Motivasi adalah suatu bentuk dorongan minda dan hati yang menjadi penggerak utama seseorang, sesebuah keluarga atau organisasi untuk mencapai apa juga yang diinginkan." Manakala motivasi Sebagai Darjah Kesungguhan iaitu Tahap kepentingan sesuatu yang seseorang ingin capai, memberi kesan terhadap tahap kesungguhannya berusaha. Sungguhpun masa untuk mencapainya agak lama, tetapi jika apa yang dihasratkan itu amat penting, ia akan terus tetap mempunyai keinginan atau kesungguhan untuk berusaha sehinggalah matlamatnya tercapai. Oleh itu, bolehlah juga kita buat kesimpulan di sini bahawa: "Motivasi adalah darjah atau tahap kesungguhan dan tempoh ketelusan seseorang, berusaha untuk mencapai tujuan .Seterusnya motivasi sebagai stimulasi seseorang lelaki dan wanita yang sedang saling amat cinta mencintai sehingga telah berjanji untuk hidup bersama, akan berusaha dengan penuh kesungguhan untuk menjadi suami isteri walaupun menghadapi pelbagai halangan berbuat demikian. Itulah sebab makanya, ramai pasangan yang kita dengar pergi bernikah ke luar negara apabila ada halangan (undang-undang) yang tidak membolehkan mereka mendapat sijil perkahwinan di dalam negara. Seperti kata pepatah Melayu "Nak, seribu daya. Tak nak, seribu dalih". Di sini dapatlah kita simpulkan bahawa: "Motivasi adalah stimulasi atau semangat akibat rangsangan atau keghairahan terhadap sesuatu yang benar-benar diinginkan. Bagi Motivasi Sebagai Pemangkin Keberanian Apabila kita betul-betul dan benar-benar inginkan sesuatu, ketakutan atau kemalasan menjadi perkara kedua - mencapai matlamat akan menjadi perkara utama; keberanian, kerajinan dan ketekunan akan timbul. Oleh itu, bolehlah kita simpulkan atau definisikan di sini bahawa: "Motivasi adalah suatu mangkin yang menimbul dan menyemarakkan keinginan, keberanian dan kesungguhan untuk mencapai sesuatu matlamat mencabar yang benar-benar diinginkan serta diyakini boleh dicapai dan diperolehi."

George (2000), motivasi prihatin dengan keperluan, kehendak dan kebimbangan manusia, dan bagaimana dia bertujuan untuk mencapai atau mengelakkan perkara-perkara ini. Motivasi ialah kajian pengaktifan dan tingkah laku (kawalan). Alasannya, terdapat sedikit penyelidikan sebenar atau permohonan motivasi kepada gelagat individu berpunca sebahagian daripada dua masalah. Penyelidik motivasi diri mereka dibahagikan kepada beberapa isu asas. Perbezaan ini adalah seperti keadaan buruk tetapi mempunyai sokongan yang baik. Teori



pembelajaran dan teori motivasi sangat saling berkait antara satu sama lain, yang menjadikan sukar bagi orang luar untuk menggunakan dan memahami mereka.

Motivasi adalah penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau mencapai sesuatu. Motivasi juga boleh dikatakan sebagai rancangan bentuk kejayaan seseorang atau rangsangan untuk mengelakkan diri daripada kegagalan. Long (2082), bahawa motivasi adalah lanjutan daripada proses psikologikal yang menggerakkan seseorang itu untuk melakukan sesuatu perkara. Macaskill *et al.*, (1993), pula mendefinisikan motivasi sebagai darjah yang menyebabkan seseorang itu menggerakkan usaha untuk mencapai sesuatu matlamat. La Coe (1981) pula menjelaskan bahawa manusia bermotivasi apabila mereka mempunyai persepsi bahawa diri mereka berkebolehan dan boleh membuat keputusan sendiri. Tingkah laku dikawal dari dalam diri sendiri dan tidak membenarkan orang lain atau peristiwa luar mempengaruhinya. Pengalaman dan penaakulan akan menjadikan manusia menjangkakan beberapa kemungkinan perlakuan yang akan membawa kepada suatu hasil dan manusia sendirinya akan bertindak untuk mencapai hasil tersebut. Anak kunci kepada kejayaan diri dan kehidupan bermula dengan wujudnya tujuan dan matlamat hidup. Kinder (1994), menyatakan bahawa terdapat perbezaan pendapat tentang motivasi oleh ahli behaviourisme dan kognitivisme.

Ahli behaviourisme berpendapat bahawa motivasi muncul dari dalam diri seseorang melalui unsur emosi atau unsur tindak balas berasaskan kemahuan dan emosi. Ahli kognitivisme pula menjelaskan bahawa motivasi adalah produk pemikiran berasaskan situasi psikologikal yang meliputi pencapaian matlamat dan halangan-halangan untuk mencapai matlamat. Mendes (2003), merumuskan bahawa, jika seseorang itu mempunyai tahap aspirasi yang tertentu dan boleh mencapai tahap tersebut seseorang itu akan berasa sangat baik dan jika seseorang itu mencapai kejayaan berasaskan tahap aspirasinya, seseorang itu akan terus meningkatkan usaha untuk mencapai yang lebih baik. Dalam mengharungi proses pendidikan di peringkat tinggi seseorang pelajar seharusnya menentukan tahap yang perlu dicapai untuk memenuhi matlamat mereka.



RUJUKAN

- Abd Hamid, M.A. (2004). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. PTS Professional Sdn Bhd.
- Abd Hamid, M.A. (2006). *Panduan meningkatkan kecerdasan Emosi*. Kuala Lumpur: Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar, M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M.N. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Alias, B. (1992). *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan & Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arkes, H.A. (1982). *Psychological Theories of Motivation*. Belmont, California, Wadworth.
- Arkes, H.R. & Garske, J.P. (1982). *Psychological Theories of Motivation*. Monterey: Calif.
- Atwater, E. (1986). *Human Relations*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Ault, R.L. (1983). *Children's Cognitive Development*. 2nd. ed. Oxford: Oxford Press.
- Baller, W.R. & Charles, D.C. (1986). *The Psychology of Human Growth and Development*. Rein
- Barbuto, J.E., & Wheeler, D.W. (2006). *Scale Development and Construct Clarification of Servant Leadership*. *Group & Organization Management*, 31(3), 300-326.
- Bar-On, R., & Parker, J.D.A. (2000). *The handbook of emotional intelligence*. San Francisco, CA: Jossey-Bass Inc.
- Bass, B.M. (1985). *Leadership and performance beyond expectations*. New York: Free Press.
- Boon, Y. (2004). *Kecerdasan Emosi dan hubungan dengan pencapaian akademik dan tingkah laku*. Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Brickman, T.J. (1984). *The Features and Effects of Friendship in Early Adolescence*.
- Carnevale, D.G., & Wechsler, B. (1992). *Trust in the public sector. Administration and Society*.
- Carson, K.D. & Carson, P.P. (1998). *Career Commitment, Competencies, and Citizenship*.
- Chemis & Cary (2000). Emotional Intelligence: EQ and Gender. *Society for Industrial and Organizational Psychology*. New Orleans: Los Angeles.
- Cherniss, C. (1998). *Social and Emotional Learning for Leaders. Educational Leadership*.
- Chua, Y.P. (2006). *Asas Statistik dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw- Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, L. & Malon, L. (1994). *Research Methods in Education*. London: Routledge.
- Covey, S.R. (1989). *The Seven Habits of Highly Effective People*, New York: Free Press.
- Cross, J. (1995). Does Your Emotional Intelligence Quotient (EQ) Mean More Than Your IQ?. *USA Weekend*.
- Duan, C. (2000). *Being Empathic: The Role of Motivation to Empathize and the Nature of Target Emotions, Motivation and Emotion*. 24, 29-49.
- Duan, C., & Hill, C. E. (1996). The current state of empathy research. *Journal of Counseling Psychology*, (43), 261-274.
- Elder, I. (1997). Critical Thinking. The Key to Emotional Intelligence. *Journal Of Development Education*, (21).
- Elias, M.Z. (1997). *Promoting Social and Emotional Learning Guidelines for Educators*. VA: Supervisions and Curriculum Development.
- George, J.M. (2000). *Emotions and leadership: The role of emotional intelligence. Human Relations*, (53), 1027-1055.
- Ghafar, M.N. (2000). Kestabilan emosi guru: Perbandingan Antara Pensyarah dan Pelajar. *Jurnal Teknologi*.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence Why It Can Matter More Than IQ*. New York: Bantam Dell.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence*. New York: Bantam Dell.
- Goleman, D. (1999). *Emotional Competence. Executive Excellence*. 16 (4), 19.
- Goleman, D. (2001). *Emotional Intelligence: Issues in Paradigm Building*.
- Goleman, D. (2006). *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Dell.



PTIA UTHM
 PUSAT TINJAUAN DAN PENYELIDIKAN AKADEMIK TUN AMINAH

- Goleman, D., Cherniss, Boyatzis, R., McKee, A. (2005). *Inteligenta emotionala in leadership*, Editura Curtea Veche, Bucuresti.
- Harun, M.E. (2008). *Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Mengambil Mata pelajaran Vokasional (MPV)*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Hasan, A.F. (1994). *Penggunaan Minda yang Optimum dalam Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hawadi, R.A.(2004). *Akselerasi A-Z Informasi Program Percepatan Belajar dan Anak Berbakat Intelektual*. Jakarta: PT. Garnedra Wirdiasa Indo.
- Jones, R.N. (1991). *Cara Membina Hubungan yang Baik dengan Orang Lain*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Kellett, J.B., Humphrey, R.H., & Sleeth, R.G.(2006). Empathy and the emergence of task and relations leaders. *Leadership Quarterly*, (17), 146-162.
- Kenneth, T.H. & Ben F.E. (1999). *Educational Psychology for Effective Teaching*. America.
- Kinder, M. (1994). *Mastering Your Moods: Recognizing Your Emotional Style and making it works for you*. New York: The Roasen Publishing Group.
- Kipling, K. & Farren, A. (2000). *Closing the Gaps*. Liberal Education.
- Koentjaraningrat, S. (1977). *Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT. Gramedia.
- Konting, M.M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kreitner, R & Kinichi, A. (2003). *Perilaku Organisasi*. Jakarta: Penerbit Salemba.
- Krejeie, R.V and Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Educational and Psychological Measurement*. (30), 607-610.
- La Coe, D. (1981). *Career Demand And Student Ability At An Undergraduate Professional School An Examiner And Recommendations Based On The Perry Scheme Of Development Revised*. Paper Presented At The Annual Meeting Of The National Academic Devising Association. Indianapolis: IN.
- Long, A. (1982). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lefton, L.A. & Brannon, L. (2003). *"Psychology"*. 8th. ed. United State Of Amerika.
- Macaskill, A., Maltby, J., & Day, L. (2002). Forgiveness of Self and Others and Emotional Empathy. *The Journal of Social Psychology*, (142), 663.
- Marzuki, N.A. (2007). *Psikologi Personal*. Selangor: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd.



- Mayer, J.D., Caruso, D.R., & Salovey, P. (2004). Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. *Intelligence*, (27), 267–298.
- Mayer, J.D., Salovey, P. & Caruso, D.R. (2000). *Models of emotional Intelligence*. In R.J
- Mayer, J.D & Salovey (1993). *What Is Emotional Intelligence?* New York: Basic Books.
- Medley, D.M. (1982). *Teacher effectiveness*, Encyclopedia of Educational.
- Mendes. E. (2003). What empathy can do. *Educational Leadership*, 61, 56.
- Mohamed, M.N. (1992). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkahlaku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Morgan, Clifford, T., King, R.A. Weizz, JR., & Schopler, J., (1986). *Introduction of Psychology*. 7th. ed. Singapore: Mc Graw Hil Book Company.
- Oppenheim, A.N. (1992). *Questionnaire design, interviewing and attitude measurement*. London: Continuum.
- Renihan, P. (1996). *In-school leadership for Saskatchewan schools: Issues and strategies*. Saskatchewan Educational Leadership Unit, University of Saskatchewan: Canada.
- RMK-10, (2010). *Jabatan Penerangan Malaysia dan Kementerian penerangan komunikasi dan Budaya*, Kuala Lumpur.
- Salovey, P., & Mayer, J.D. (1990). *Emotional intelligence, Imagination, Cognition and Personality*, (9), 185-211.
- Senge, P. (1990). *The fifth discipline: The art & practice of the learning organization*. New York: Currency Doublday.
- Spears, L.C.(1998). *Insights of leadership*. New York: John Willey & Sons.
- Sternberg. (1998). *The handbook of intelligence*,. New York: Cambridge University 396-420.
- Talib, A.R. (2005). Hubungan di Antara Kecerdasan dengan Kefahaman Membaca di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua. *Jurnal Pendidikan*. Wadsworth Publishing Company.
- Tan, A. & Keliwon (2006). *Tahap Kecerdasan Emosi Di kalangan Pelajar-pelajar IPTA dan IPTS dengan Pencapaian Akademik*.
- Tuckman, B.W. (1998). *Conducting Educational Research*. San Diego: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.



- Umar, I. N. (1999). A study of the effects of cognitive styles and learning. *Journal of Career Assessment*, 6(2), 195-208.
- Walumbwa, F.O., Avolio, B.J., Gardner, W.L., Wernsing, T.S., & Peterson, S.J. (2008). Authentic leadership: Development and validation of a theory-based measure. *Journal of Management*, (34), 89-126.
- Yahaya, A., Suboh, A., Zakaria, Z. & Yahya, F. (2005). *Aplikasi Kognitif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya, A., Yahaya, N. & Zakariya, Z. (2005). *Psikologi Kognitif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahya, A & Boon, Y (2004). *Kecerdasan Emosi Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Dan Tingkah Laku*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahya, A. & Hashim, S. (2007). *Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Prestasi Pencapaian Akademik*. UiTM Melaka.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH